



اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel: 05-450 6000 Fax: 05-459 5488
Laman Web: www.upsi.edu.my
Email: admin@upsi.edu.my



Jabatan Pendaftar

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : UPSI/PEND/AD/597/2/1(1)
Tarikh : 11 JANUARI 2005
30 ZULKAEDAH 1425

SPP UPSI BIL. 1 TAHUN 2005

Semua
Ketua Pusat Tanggjawab

Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

PINDAAN HARI REHAT SABTU

2. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Universiti bersetuju dengan hasrat Kerajaan yang telah memutuskan supaya Hari Rehat Sabtu Minggu Ketiga pada 15 Januari 2005 ditunda kepada 22 Januari 2005 dan Hari Rehat Sabtu Minggu Pertama pada 5 Februari 2005 ditunda kepada 12 Februari 2005.

3. Sehubungan itu, Hari Sabtu pada 15 Januari 2005 dan 5 Februari 2005 akan menjadi hari bekerja manakala Hari Sabtu bertarikh 22 Januari 2005 dan 12 Februari 2005 dijadikan hari rehat. Bersama-sama ini disertakan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2005 untuk pihak Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan hebahkan kepada semua kakitangan Jabatan/Fakulti/Unit masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Pendidikan Cemerlang Menuju Wawasan'

Yang benar,

(RUSLEY BIN TAIB)
Pendaftar

s.k.

Y. Bhg. Datuk Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Semua Penolong Pendaftar PTj



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2005

PINDAAN HARI REHAT SABTU

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan bagi meminda Hari Rehat Sabtu Minggu Ketiga bulan Januari 2005 dan Hari Rehat Sabtu Minggu Pertama bulan Februari 2005.

PELAKSANAAN


2. Kerajaan telah memutuskan supaya Hari Rehat Sabtu Minggu Ketiga pada 15 Januari 2005 ditunda kepada 22 Januari 2005 dan Hari Rehat Sabtu Minggu Pertama pada 5 Februari 2005 ditunda kepada 12 Februari 2005.

3. Hari Rehat Sabtu yang ditunda tarikhnya ini tidak akan mengubah Waktu Bekerja kerana masa yang digunakan untuk menunda Hari Rehat Sabtu telah diganti dengan bekerja pada 15 Januari 2005 dan 5 Februari 2005.

PEMAKAIAN

4. Tertakluk kepada penerimaan secara keseluruhannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

10 Januari 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan